



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

GPP LANTERA Bantu Lonjak Pengeluaran Produk Unggas Kepada 140 Peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	6	27 Feb

GPP LANTERA bantu lonjak pengeluaran produk unggas kepada 140 peratus



Johor Bahru: Pengeluaran produk unggas negara dijangka mampu dilonjakkan kepada 140 peratus menjelang 2030 susulan pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Ayam (GPP LANTERA).

Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Mohd Hafiz Ali-man, berkata pelaksanaan GPP LANTERA yang dikeluarkan PLAN Malaysia pada 2023 adalah langkah positif dalam menangani isu berkaitan aktiviti perladangan ternakan ayam termasuk Johor.

Katanya, garis panduan itu juga dibangunkan sebagai tindak balas terhadap masalah terutama mendapatkan kelulusan pelan pembangunan serta isu pencemaran alam sekitar membabitkan ternakan ayam.

"Kerajaan Johor bersama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan agensi Persekutuan yang berkaitan sedang dalam usa-

ha untuk meningkatkan kecekapan urusan pembangunan ladang ternakan ayam moden di Johor.

"Pelaksanaan GPP LANTERA ini dapat meningkatkan kecekapan urusan pembangunan ladang ternakan ayam moden di Johor.

"Beberapa langkahan hasil dan impak positif akan dapat dicapai, antaranya adalah peningkatan pengeluaran sebanyak 20 peratus; pengurangan kos operasi; peningkatan sebanyak 15 peratus serta peningkatan tahap sara diri pengeluaran produk unggas negara kepada 140 peratus menjelang 2030.

"Kita juga yakin bahawa inisiatif ini akan dapat menstabilkan harga produk ayam, memastikan sekuriti makanan negara terjaga, dan mengurangkan kos sara hidup rakyat," katanya dalam kenyataan media.

Bengel GPP LANTERA diadakan membabitkan pelbagai pe-

ayam Johor termasuk persatuan penternak di negeri ini.

Keterjaminan makanan
Sementara itu, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan, Mohd Azwan Mohd Salleh berkata, Johor sebagai ayam pedaging, dapat memberi sumbangan besar kepada produktiviti dan pengeluaran ayam di negara ini.

"Jika inisiatif GPP LANTERA ini berjaya dilaksanakan, sebanyak 70 peratus bilangan ladang ayam sistem terbuka di Johor akan dapat bertukar kepada ladang sistem tertutup menjelang 2030.

"Dengan pembabitkan semua pihak sama ada di peringkat Persekutuan, kerajaan negeri dan penternak, ia akan dapat memberi manfaat dan memastikan ketertarikan makanan negara berada pada tahap yang maksimum," katanya.

Ibadat & Fadilat									
Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda:									
"Dalam al-Quran, ada satu surah mengandungi 30 ayat yang akan terus-menerus memberi syafaat kepada orang selalu membacanya hingga orang itu diampunkan. Surah itu ialah surah Tabarakallazi." (HIR Tirmizi)									
KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK				
Kangar	6:23	1:34	4:51	7:32	8:42				
Alor Setar	6:23	1:34	4:51	7:32	8:42				
P. Pinang	6:23	1:34	4:51	7:33	8:42				
Ipo	6:20	1:31	4:48	7:31	8:41				
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:45	7:29	8:38				
Shah Alam	6:17	1:29	4:45	7:29	8:38				
Johor Bahru	6:07	1:20	4:35	7:21	8:31				
Kuantan	6:11	1:23	4:39	7:24	8:33				
Seremban	6:15	1:28	4:42	7:28	8:38				
Bandar Melaka	6:14	1:26	4:41	7:27	8:37				
Kota Bharu	6:16	1:26	4:44	7:25	8:31				
K. Terengganu	6:12	1:23	4:39	7:22	8:31				
Kota Kinabalu	5:20	12:31	3:48	6:30	7:39				
Kuching	5:43	12:55	4:10	6:57	8:06				

'Biar Kami Jaga Kucing Terbiar'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	23	27 Feb



Ahli Rumah Prihatin bersama kucing terbiar yang dipelihara di Kem Desa Mahmood, Tok Uban, Pasir Mas.

'Biar kami jaga kucing terbiar'

Pencinta kucing tubuh
Rumah Prihatin bela
nasib lebih 300 si bulus

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
PASIR MAS

Tidak sanggup melihat kucing terbiar mati kelaparan, berpenyakit dan menjadi makanan ular sawa, sekumpulan peminat haiwan bulus di negeri ini menawarkan diri untuk menjaga binatang kesayangan Rasulullah SAW itu.

Berbekalkan minat mendalam dan tanggungjawab terhadap haiwan tersebut, mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang serta peringkat umur menubuhkan Pertubuhan Prihatin Haiwan Kelantan (Rumah Prihatin) bagi membela nasib haiwan berkenaan.

Penasihatnya, Norashikin Che Omar, 40, berkata, kesungguhan mereka telah mendapat perhatian pemilik Kem Desa Mahmood di Tok Uban di sini iaitu Tan Sri Hussein Ahmad, yang memberi kebenaran untuk mereka membuka sebuah pusat perlindungan kucing di atas tanah seluas 1.2 hektar.

"Kawasan ini sudah lama tidak digunakan, jadi kami perlu buat kerja-kerja pembersihan, mengecat, dan sebagainya.



Norashikin (kiri) bersama ahli Rumah Prihatin berada di penempatan baharu yang dalam proses pembinaan untuk menempatkan kucing-kucing di Kem Desa Mahmood, Tok Uban, Pasir Mas.

"Namun ia tidak melemahkan semangat kami demi membela nasib kucing-kucing terbiar ini," katanya kepada pemberita semasa ditemui di Kem Desa Mahmood di sini.

Menurutnya, setiap hari mereka berada di situ bagi memastikan pusat perlindungan itu dapat disiapkan segera.

Katanya, walaupun berdepan kekurangan kewangan namun ia tidak melunturkan semangat mereka untuk meneruskan usaha melindungi kucing terbiar berkenaan.

"Setiap bulan kami perlu ada sekitar RM20,000 untuk makanan, perubatan, vitamin serta membayar upah petugas yang menjaga kawasan ini secara sepenuh masa.

"Angka tersebut agak besar namun kami tidak mempunyai banyak

dana sebaliknya hanya mengharapkan ihsan ahli Rumah Prihatin serta sumbangan daripada orang ramai.

"Demi lebih 300 ekor kucing terbiar pelbagai jenis yang dijaga ini, kami sanggup lakukan apa sahaja," katanya.

Beliau berkata, misi mereka adalah untuk mendidik masyarakat agar memandulkan kucing supaya tiada lagi haiwan tersebut yang akan terbiar selepas ini.

Ujarnya, hasrat mereka ialah dua tahun lagi Kelantan bebas daripada masalah kucing terbiar.

"Kami juga mengajak orang ramai untuk sama-sama menyertai Rumah Prihatin.

"Orang ramai juga dialu-alukan untuk menyumbang demi kelangsungan hidup kucing terbiar ini di akaun Maybank 5530 5645 0441 atas nama Pertubuhan Prihatin Haiwan Kelantan," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR